

28/07/2002

MCA hargai keprihatinan Mahathir

Jamhariah Jaafar; Teh Kian Keat

KUALA LUMPUR: Perhimpunan Agung Tahunan MCA ke-49 semalam sebulat suara meluluskan ketetapan menyatakan penghargaan dan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana begitu prihatin terhadap perpaduan dan kestabilan dalam MCA.

Perwakilan juga menyokong penuh usaha untuk melaksanakan pelan perdamaian yang dirangka oleh Dr Mahathir, yang juga Pengerusi Barisan Nasional.

Perhimpunan itu, yang dirasmikan oleh Dr Mahathir pagi semalam, turut meluluskan resolusi yang berkaitan dengan politik, pendidikan, ekonomi dan hal ehwal sosial.

Di bidang politik, perwakilan menetapkan bahawa mereka akan menyokong sepenuhnya usaha kerajaan membanteras keganasan di negara ini selain mengutuk serta membantah sekeras-kerasnya tindakan kerajaan Terengganu menggubal dan meluluskan undang-undang Hudud yang ternyata bertentangan dengan Perlembangan Persekutuan.

Dari segi aspek pendidikan, perhimpunan itu meluluskan ketetapan mengulangi pendirian parti untuk menjamin corak sekolah jenis kebangsaan Cina terus dipelihara dan menyokong penuh usaha kerajaan menggalakkan penggunaan dan meningkatkan kefasihan Bahasa Inggeris rakyat serta menambah pengajaran Inggeris di sekolah.

Perwakilan turut menyokong penuh langkah parti untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa khas untuk mengkaji implikasi dan meneliti rancangan pembangunan pendidikan 2001-2002 dan dasar lain dalam bidang pendidikan yang dirangka oleh Kementerian Pendidikan.

Perhimpunan menyokong sistem pengambilan yang berasaskan meritokrasi seperti yang diamalkan oleh universiti tempatan dan menyeru supaya kriteria yang adil dimasukkan dalam sistem itu.

MCA menyambut baik keputusan kabinet membuka pintu kursus matrikulasi dan Maktab Rendah Sains Mara dengan peruntukan tempat sebanyak 10 peratus kepada pelajar bukan Bumiputera.

Perhimpunan mahu kerajaan supaya memberikan kelulusan pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina baru di kawasan-kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk Cina selain menempatkan semula SJKC yang menghadapi masalah bilangan murid berkurangan ke kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk Cina.

Bagi bidang ekonomi pula, perwakilan mengambil ketetapan untuk menyeru komuniti perniagaan tempatan, terutamanya perniagaan kecil dan sederhana yang dimiliki orang Cina, mempertingkatkan daya saing dan kualiti produk mereka.

Mesyuarat meluluskan ketetapan menyokong usaha kerajaan dan sektor swasta mempertingkatkan perdagangan China-Malaysia dan menyeru kerajaan memberikan insentif untuk mempertingkatkan lagi perdagangan antara kedua-dua negara.

Mengenai bidang sosial, perhimpunan menyeru kerajaan supaya meneruskan usaha melindungi kepentingan pengguna dan memantau secara dekat kegiatan perniagaan golongan tertentu yang mempromosikan barangan mereka melalui iklan yang mengelirukan.

MCA menyeru supaya kerajaan bertindak tegas terhadap mereka yang menyalahi undang-undang itu.

Perhimpunan kali ini turut menyeru kerajaan meneruskan usahanya membanteras pengusaha mesin perjudian haram dan juga pengedar dadah.

Parti itu menyeru orang ramai menyahut usaha kerajaan menggalakkan kegiatan kitar semula dan mempertingkatkan azam untuk melindungi alam sekitar ke arah mewujudkan kehidupan lebih bersih dan sihat.